



**Majlis Perundingan Gaji Negara
Kementerian Sumber Manusia**

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) BERHUBUNG PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) 2020

**(Untuk kegunaan dalaman pegawai Kementerian Sumber Manusia dan
Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)**

**Disediakan oleh:
Urus Setia
Majlis Perundingan Gaji Negara**

Penafian: Semua maklumat dalam FAQ ini hanya merupakan penerangan ringkas mengenai gaji minimum dan tidak bermaksud untuk menggantikan undang-undang asal dalam Akta Majlis Gaji Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732], Perintah Gaji Minimum 2020 (P.U. (A) 5/2020).

Kandungan

PENGENALAN	4
TEKNIKAL	
1. Apakah gaji minimum?.....	5
2. Bilakah tarikh kuat kuasa PGM 2020?	5
3. Berapakah kadar gaji minimum yang ditetapkan di bawah PGM 2020?.....	5
4. Bagaimana cara pengiraan bagi kadar gaji minimum harian?.....	7
5. Bagaimana pengiraan kadar gaji minimum bagi pekerja yang dibayar secara harian tetapi jumlah hari bekerja tidak tetap dalam satu minggu?	8
6. Apakah kriteria untuk menentukan kelayakan seseorang pekerja dengan pemakaian PGM 2020?	8
7. Apakah kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang disenaraikan dalam Jadual PGM 2020?	9
8. Bagaimana untuk menentukan seseorang pekerja itu layak menerima gaji minimum mengikut PGM 2020?.....	10
9. Bagaimana untuk menentukan kawasan persempadanan bagi tujuan penguatkuasaan PGM 2020?.....	11
10. Apakah kawasan liputan PGM 2020?	11
11. Bagaimanakah cara untuk menentukan kawasan perniagaan yang berada antara dua sempadan?	11
12. Berapakah kadar gaji minimum bagi pekerja yang tempat kerja tidak tetap?	11
13. Bagaimanakah kadar gaji minimum bagi kontraktor buruh seperti kontraktor pencucian dan lain-lain?.....	12
14. Bagaimana untuk membayar gaji minimum kepada pekerja yang berpindah tempat kerja?	12
15. Adakah pekhidmat domestik tertakluk di bawah PGM 2020?.....	12
16. Adakah pekerja dalam tempoh percubaan (<i>probationer</i>) layak dibayar gaji minimum?	12

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

17. Mengapakah dalam PGM 2020 dikekalkan peruntukan kadar gaji yang dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), komisen, perjalanan (*trip*), tugas (*task*) dan berat tan (*tonnage*) tidak boleh kurang daripada kadar gaji minimum?..... 13
18. Bagaimana jika majikan mengubah sasaran kerja untuk pekerja-pekerja yang tiada gaji pokok dan hanya dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), komisen, perjalanan (*trip*), tugas (*task*) dan berat tan (*tonnage*) disebabkan kadar gaji minimum baharu yang dilaksanakan? 13
19. Bolehkah majikan menukarkan syarat dan kaedah bayaran gaji pekerja daripada bergaji berdasarkan 'upah ikut kerja' (*piece rate*) kepada gaji mengikut jam? 13
20. Bolehkah majikan membuat potongan daripada gaji minimum pekerja jika pekerja gagal hadir untuk bekerja? 14
21. Bolehkah majikan memotong gaji pekerja untuk tujuan levi tahunan bagi pekerja bukan warganegara/ bukan pemastautin? 14
22. Bolehkah majikan memotong gaji untuk kos penginapan pekerja bukan warganegara/ bukan pemastautin? 14
23. Bolehkah majikan menstruktur semula gaji pekerja dengan menukarkan caj perkhidmatan untuk menjadikan sebahagian gaji minimum? 14
24. Bolehkah majikan menstruktur semula gaji pekerja dengan menukarkan elaun untuk menjadikan sebahagian gaji minimum? 14
25. Adakah kadar gaji dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif perlu diubah disebabkan kadar gaji minimum baharu tersebut?..... 15
26. Mengapakah penetapan kadar gaji minimum harian dikekalkan dalam PGM 2020? 15
27. Adakah terdapat klausa pengecualian dalam PGM 2020?..... 15
28. Apakah implikasi undang-undang apabila PGM 2020 dikuatkuasakan?..... 15
29. Adakah gaji minimum ini terpakai kepada pekerja yang digaji oleh Badan Berkanun atau PBT? 16

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

30. Apakah peruntukan yang ditambah baik dalam PGM 2020 berbanding PGM 2018? 16
31. Apakah tindakan yang akan dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi PGM 2020 selepas 1 Februari 2020? 16

DASAR

32. Mengapakah Kerajaan menaikkan kadar gaji minimum baharu bagi kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran sahaja?..... 17
33. Bagaimanakah penentuan kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dibuat? 17
34. Mengapakah Kerajaan masih menaikkan kadar gaji minimum kepada kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran walaupun semua sedia maklum kedudukan ekonomi global semasa adalah kurang baik termasuk Malaysia? 20
35. Apakah kaedah yang diambil oleh Kerajaan dalam membuat penetapan gaji minimum? 22
36. Mengapakah pekerja bukan warganegara tidak dikecualikan daripada dasar gaji minimum? 23
37. Adakah pekerja-pekerja TASKA, badan bukan berasaskan keuntungan (*non-profit organisation*) atau badan kebajikan dikecualikan daripada PGM 2020? 23
38. Bagaimana jika pekerja bersetuju untuk tidak dibayar kadar gaji minimum yang baharu? 24
39. Adakah pekerja-pekerja industri mikro dikecualikan daripada PGM 2020?..... 24
40. Di manakah majikan dan pekerja boleh mendapatkan sebarang pertanyaan atau khidmat nasihat mengenai dasar dan pelaksanaan gaji minimum?..... 25

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

SOALAN-SOALAN LAZIM BERHUBUNG PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) 2020

Pengenalan

Malaysia telah melaksanakan **dasar gaji minimum** mulai 1 Januari 2013 yang ditetapkan melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]. Objektif dasar gaji minimum ialah:

- (i) memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi;
- (ii) memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja;
- (iii) menggalakkan industri meningkatkan rantai pengeluaran dengan melabur dalam intensif teknologi dan meningkatkan produktiviti buruh; dan
- (iv) mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir.

Seksyen 25, Akta 732 memperuntukkan MPGN hendaklah mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

TEKNIKAL

1. Apakah gaji minimum?

Jawapan: Gaji minimum ertinya **gaji pokok** seperti yang ditetapkan dalam Perintah Gaji Minimum (rujuk seksyen 2, Akta 732). Ia tidak termasuk elaun, insentif atau apa-apa bayaran tambahan yang dibuat kepada pekerja.

2. Bilakah tarikh kuat kuasa PGM 2020?

Jawapan: Tarikh kuat kuasa adalah pada 1 Februari 2020. Tarikh kuat kuasa ini ditetapkan sepertimana yang diputuskan oleh Kerajaan.

3. Berapakah kadar gaji minimum yang ditetapkan di bawah PGM 2020?

Jawapan: Kadar gaji minimum bulanan, harian dan setiap jam yang ditetapkan di bawah PGM 2020 ialah seperti berikut:

(i) Gaji minimum di kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran

- Gaji minimum pekerja yang tempat kerjanya adalah **dalam** mana-mana kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sebagaimana yang dinyatakan dalam PGM 2020 adalah seperti berikut:

Kadar gaji minimum				
Bulanan	Harian			Setiap jam
	Bilangan hari bekerja dalam seminggu			
	6	5	4	
RM1,200.00	RM46.15	RM55.38	RM69.23	RM5.77

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- Bagi pekerja yang **tiada gaji pokok tetapi dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), berat tan (*tonnage*), tugas (*task*), perjalanan (*trip*) atau komisen**, yang tempat kerjanya adalah **dalam** mana-mana kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sebagaimana yang dinyatakan dalam PGM 2020, gajinya hendaklah tidak kurang daripada kadar gaji minimum bulanan iaitu **RM1,200 sebulan**.

(ii) Gaji minimum di kawasan selain Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran

- Gaji minimum pekerja yang tempat kerjanya adalah **selain** daripada kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sebagaimana yang dinyatakan dalam PGM 2020 adalah seperti berikut:

Kadar gaji minimum				
Bulanan	Harian			Setiap jam
	Bilangan hari bekerja dalam seminggu			
	6	5	4	
RM1,100.00	RM42.31	RM50.77	RM63.46	RM5.29

- Bagi pekerja yang **tiada gaji pokok tetapi dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), berat tan (*tonnage*), tugas (*task*), perjalanan (*trip*) atau komisen**, yang tempat kerjanya adalah **selain** daripada kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sebagaimana yang dinyatakan dalam PGM 2020, gajinya hendaklah tidak kurang daripada kadar gaji minimum bulanan iaitu **RM1,100 sebulan**.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

4. Bagaimana cara pengiraan bagi kadar gaji minimum harian?

Jawapan: Formula pengiraan kadar gaji minimum harian adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar Gaji Harian} = \frac{(\text{Kadar Gaji Minimum Bulanan} \times 12 \text{ Bulan})}{(52 \text{ Minggu} \times \text{Bil. Hari Bekerja Dalam Seminggu})}$$

Contoh pengiraan kadar gaji minimum harian adalah seperti berikut:

- (i) Bagi pekerja yang bekerja **6 hari** seminggu yang tempat kerjanya **dalam** kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran:

$$\begin{aligned} \text{Kadar Gaji Harian} &= \frac{(\text{RM1,200.00} \times 12 \text{ bulan})}{(52 \text{ minggu} \times 6 \text{ hari})} \\ &= \frac{\text{RM14,400.00}}{312 \text{ hari}} \\ &= \text{RM46.15 / hari} \end{aligned}$$

- (ii) Bagi pekerja yang bekerja **6 hari** seminggu yang tempat kerjanya **selain** kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran:

$$\begin{aligned} \text{Kadar Gaji Harian} &= \frac{(\text{RM1,100.00} \times 12 \text{ bulan})}{(52 \text{ minggu} \times 6 \text{ hari})} \\ &= \frac{\text{RM13,200.00}}{312 \text{ hari}} \\ &= \text{RM42.31 / hari} \end{aligned}$$

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

5. **Bagaimana pengiraan kadar gaji minimum bagi pekerja yang dibayar secara harian tetapi jumlah hari bekerja tidak tetap dalam satu minggu?**

Jawapan: Jika suatu kontrak perkhidmatan memperuntukkan bahawa gaji seorang pekerja dibayar mengikut kadar harian tetapi bilangan hari bekerja dalam satu minggu tidak tetap, kadar gaji minimum yang dibayar adalah berdasarkan kadar gaji minimum harian mengikut bilangan hari pekerja itu bekerja dalam satu minggu sebagaimana yang dinyatakan dalam PGM 2020 berdasarkan tempat kerja.

Prinsip asas yang digunakan dalam kaedah pengiraan gaji minimum harian adalah bilangan jam bekerja pekerja itu tidak melebihi 48 jam seminggu seperti termaktub di bawah seksyen 60A (1)(d) Akta Kerja 1955 [Akta 265], seksyen 104(1) Ordinan Buruh Sabah [Cap 67] dan seksyen 105(1) Ordinan Buruh Sarawak [Cap 76].

6. **Apakah kriteria untuk menentukan kelayakan seseorang pekerja dengan pemakaian PGM 2020?**

Jawapan: PGM 2020 terpakai kepada semua pekerja (warganegara dan bukan warganegara) di sektor swasta yang bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan dan bekerja di **tempat kerja dalam mana-mana kawasan 56 Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran** sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual PGM 2020.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

7. Apakah kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang disenaraikan dalam Jadual PGM 2020?

Jawapan: Senarai kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran adalah seperti berikut:

Kawasan Majlis Bandaraya:

- (1) Johor Bahru
- (2) Iskandar Puteri
- (3) Alor Setar
- (4) Melaka Bersejarah
- (5) Pulau Pinang
- (6) Seberang Perai
- (7) Ipoh
- (8) Shah Alam
- (9) Petaling Jaya
- (10) Kuala Terengganu
- (11) Kuching Utara
- (12) Kuching Selatan
- (13) Miri
- (14) Kota Kinabalu
- (15) Kuala Lumpur
- (16) Seremban

Kawasan Majlis Perbandaran:

- (1) Batu Pahat
- (2) Kluang
- (3) Kulai
- (4) Muar
- (5) Segamat
- (6) Pasir Gudang
- (7) Kulim
- (8) Sungai Petani
- (9) Langkawi
- (10) Kubang Pasu
- (11) Kota Bharu
- (12) Alor Gajah
- (13) Jasin

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (14) Hang Tuah Jaya
- (15) Port Dickson
- (16) Jempol
- (17) Kuantan
- (18) Temerloh
- (19) Bentong
- (20) Manjung
- (21) Kuala Kangsar
- (22) Taiping
- (23) Teluk Intan
- (24) Kangar
- (25) Ampang Jaya
- (26) Kajang
- (27) Klang
- (28) Selayang
- (29) Subang Jaya
- (30) Sepang
- (31) Kemaman
- (32) Dungun
- (33) Padawan
- (34) Sibu
- (35) Kota Samarahan
- (36) Bintulu
- (37) Sandakan
- (38) Tawau
- (39) Labuan
- (40) Putrajaya

8. **Bagaimana untuk menentukan seseorang pekerja itu layak menerima gaji minimum mengikut PGM 2020?**

Jawapan: PGM 2020 mensyaratkan kelayakan pekerja untuk menerima gaji minimum berdasarkan **tempat kerja**. Tafsiran tempat kerja ialah mana-mana tempat di mana kerja dijalankan untuk majikan oleh pekerja sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 2(1) Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sabah [*Bab 67*] dan subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sarawak [*Bab 76*].

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

9. **Bagaimana untuk menentukan kawasan persempadanan bagi tujuan penguatkuasaan PGM 2020?**

Jawapan: Pegawai penguatkuasa boleh merujuk lesen perniagaan atau penyata cukai pintu yang dibayar majikan bagi menentukan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan bagi tujuan pelaksanaan PGM 2020.

10. **Apakah kawasan liputan PGM 2020?**

Jawapan: Kawasan liputan PGM 2020 adalah berdasarkan kawasan pentadbiran PBT dan bukannya mengikut kawasan operasi PBT atau sempadan bidang kuasa pentadbiran Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

11. **Bagaimanakah cara untuk menentukan kawasan perniagaan yang berada antara dua sempadan?**

Jawapan: Pegawai penguatkuasa boleh meneliti lesen perniagaan majikan dan kawasan operasi perniagaan bagi menentukan pemakaian PGM 2020. Dicadangkan juga untuk menasihati majikan untuk membayar gaji minimum yang lebih tinggi. Sekiranya terdapat kes mahkamah dan hasil siasatan dokumen yang berkaitan mendapati perniagaan tersebut didaftarkan di kawasan yang bergaji minimum lebih rendah daripada yang dinasihati, isu ini akan diteliti semula.

12. **Berapakah kadar gaji minimum bagi pekerja yang tempat kerja tidak tetap?**

Jawapan: Bagi pekerjaan yang bersifat *mobile* di luar kawasan untuk sementara waktu (*out station*), kadar gaji minimum sama ada RM1,200 sebulan atau RM1,100 sebulan ditetapkan melalui siasatan terhadap:

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (i) kontrak perkhidmatan;
- (ii) kawasan ibu pejabat pentadbiran majikan yang menggajikannya; atau
- (iii) kawasan Daftar Pekerja disimpan.

13. **Bagaimanakah kadar gaji minimum bagi kontraktor buruh seperti kontraktor pencucian dan lain-lain?**

Jawapan: Bagi kontraktor buruh, kadar gaji minimum sama ada RM1,200 sebulan atau RM1,100 sebulan adalah berdasarkan kawasan ibu pejabat kontraktor buruh tersebut didaftarkan seperti kehendak seksyen 33A Akta Kerja 1955 [Akta 265].

14. **Bagaimana untuk membayar gaji minimum kepada pekerja yang berpindah tempat kerja?**

Jawapan: Bagi pekerja yang dipindahkan secara tetap dari kawasan bergaji minimum tinggi ke kawasan bergaji minimum rendah tanpa diberikan kontrak perkhidmatan baharu, kadar gaji minimum yang lebih tinggi adalah terpakai sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 7 Akta 265 dan subseksyen 24(3) Akta 732.

15. **Adakah pekhidmat domestik tertakluk di bawah PGM 2020?**

Jawapan: Perintah ini tidak terpakai kepada pekhidmat domestik (pekerja dalam rumah persendirian). Contohnya pembantu rumah dan tukang kebun.

16. **Adakah pekerja dalam tempoh percubaan (*probationer*) layak dibayar gaji minimum?**

Jawapan: Ya. Mulai 1 Februari 2020, semua pekerja sama ada masih dalam tempoh percubaan atau telah disahkan (*confirmed*) layak kepada gaji minimum sepenuhnya tanpa sebarang pengurangan.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

17. **Mengapakah dalam PGM 2020 dikekalkan peruntukan kadar gaji yang dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), komisen, perjalanan (*trip*), tugas (*task*) dan berat tan (*tonnage*) tidak boleh kurang daripada kadar gaji minimum?**

Jawapan: Langkah mengekalkan peruntukan ini di dalam PGM 2020 adalah bagi memastikan semua pekerja menikmati kadar gaji minimum sebagaimana ditetapkan termasuk pekerja-pekerja yang tiada gaji pokok dan hanya dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), komisen, perjalanan (*trip*), tugas (*task*) dan berat tan (*tonnage*) semata-mata. Ia juga bagi memastikan tidak berlakunya eksploitasi kepada golongan pekerja ini dan memastikan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

18. **Bagaimana jika majikan mengubah sasaran kerja untuk pekerja-pekerja yang tiada gaji pokok dan hanya dibayar mengikut upah ikut kerja (*piece-rate*), komisen, perjalanan (*trip*), tugas (*task*) dan berat tan (*tonnage*) disebabkan kadar gaji minimum baharu yang dilaksanakan?**

Jawapan: Sebarang perubahan kepada terma dan syarat pekerjaan termasuk sasaran kerja mestilah mendapat persetujuan kesatuan sekerja (jika ada) atau pekerja. Pekerja juga boleh membuat tuntutan "*constructive dismissal*".

19. **Bolehkah majikan menukarkan syarat dan kaedah bayaran gaji pekerja daripada bergaji berdasarkan 'upah ikut kerja' (*piece rate*) kepada gaji mengikut jam?**

Jawapan: Sebarang perubahan kepada terma dan syarat pekerjaan mestilah mendapat persetujuan kesatuan sekerja atau pekerja.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

20. **Bolehkah majikan membuat potongan daripada gaji minimum pekerja jika pekerja gagal hadir untuk bekerja?**

Jawapan: Boleh. Majikan boleh untuk tidak membayar gaji pekerja bagi hari yang mereka tidak hadir bekerja atas alasan yang tidak munasabah.

21. **Bolehkah majikan memotong gaji pekerja untuk tujuan levi tahunan bagi pekerja bukan warganegara/ bukan pemastautin?**

Jawapan: Majikan yang melaksanakan gaji minimum tidak boleh memotong gaji pekerja secara prorata bagi bayaran levi tahunan pekerja bukan warganegara/ bukan pemastautin.

22. **Bolehkah majikan memotong gaji untuk kos penginapan pekerja bukan warganegara/ bukan pemastautin?**

Jawapan: Majikan yang melaksanakan gaji minimum adalah dibenarkan untuk memotong kos penginapan pekerja bukan warganegara/ bukan pemastautin tidak melebihi RM50 sebulan dan perkara ini perlu dimaklumkan dengan syarat perlu mendapatkan kelulusan daripada JTK yang berhampiran.

23. **Bolehkah majikan menstruktur semula gaji pekerja dengan menukarkan caj perkhidmatan untuk menjadikan sebahagian gaji minimum?**

Jawapan: Dalam kes Crystal Crown Hotel (W-02-(A)-1601-09/2015), Mahkamah Rayuan telah memutuskan majikan tidak boleh menstruktur gaji dengan menggunakan caj perkhidmatan untuk menjadi sebahagian daripada gaji minimum.

24. **Bolehkah majikan menstruktur semula gaji pekerja dengan menukarkan elaun untuk menjadikan sebahagian gaji minimum?**

Jawapan: Tidak boleh.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

25. **Adakah kadar gaji dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif perlu diubah disebabkan kadar gaji minimum baharu tersebut?**

Jawapan: Tidak perlu kerana kadar gaji minimum yang baharu itu secara automatik terpakai kepada pekerja yang mendapat gaji kurang daripada kadar gaji minimum tersebut sepertimana dalam seksyen 24 Akta 732.

Namun, pihak majikan dan kesatuan sekerja dinasihatkan untuk membuat '*variation*' kepada perjanjian kolektif tersebut di Mahkamah Perusahaan.

26. **Mengapakah penetapan kadar gaji minimum harian dikekalkan dalam PGM 2020?**

Jawapan: Penetapan kadar gaji harian dimasukkan dalam PGM 2020 bagi memastikan pekerja yang bergaji harian mendapat perlindungan di bawah PGM 2020. Ia juga bagi memastikan tiada lagi kekeliruan dalam kalangan majikan dan pekerja bagi menetapkan kadar gaji minimum harian yang selaras dengan gaji minimum.

27. **Adakah terdapat klausa pengecualian dalam PGM 2020?**

Jawapan: Tiada klausa pengecualian.

28. **Apakah implikasi undang-undang apabila PGM 2020 dikuatkuasakan?**

Jawapan: Implikasinya adalah:

- (i) PGM 2018 adalah **terbatal**. Bagaimanapun, apa-apa prosiding undang-undang, pendakwaan atau siasatan yang dibuat di bawah PGM 2018 adalah diteruskan sehingga selesai.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (ii) Semua kontrak perkhidmatan dan perjanjian kolektif hendaklah mengambil kira semua peruntukan dalam PGM 2020.

29. **Adakah gaji minimum ini terpakai kepada pekerja yang digaji oleh Badan Berkanun atau PBT?**

Jawapan: Bagi pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak, tiada pengecualian pemakaian Ordinan Buruh Sabah atau Ordinan Buruh Sarawak ke atas pekerja-pekerja yang digajikan di bawah Badan Berkanun atau PBT. Justeru, PGM 2020 adalah terpakai kepada pekerja-pekerja Badan Berkanun dan PBT di Sabah dan Sarawak.

30. **Apakah peruntukan yang ditambah baik dalam PGM 2020 berbanding PGM 2018?**

Jawapan: PGM 2020 mengandungi peruntukan-peruntukan yang ditambah baik seperti berikut:

- (i) Kadar gaji minimum bulanan dan jam yang lebih tinggi; dan
- (ii) Kadar gaji minimum ditingkatkan kepada RM1,200 sebulan di kawasan bandar-bandar utama bagi membantu pekerja di kawasan ini yang berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi.

31. **Apakah tindakan yang akan dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi PGM 2020 selepas 1 Februari 2020?**

Jawapan: Berdasarkan seksyen 43 Akta 732, majikan yang gagal mematuhi PGM 2020, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- (i) Penalti bagi kesalahan pertama: denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja;

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (ii) Penalti am: denda tidak lebih RM10,000 bagi setiap kesalahan di mana penalti khusus tidak dinyatakan;
- (iii) Penalti bagi kesalahan berterusan: denda tidak lebih RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (iv) Penalti bagi kesalahan berulang: denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.

DASAR

32. **Mengapakah Kerajaan menaikkan kadar gaji minimum baharu bagi kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran sahaja?**

Jawapan: Keputusan Kerajaan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menaikkan gaji minimum secara berperingkat menjadi RM1,500 sebulan dalam tempoh lima tahun pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan serta untuk mengurangkan beban peningkatan kos sara hidup pekerja di kawasan bandar.

33. **Bagaimanakah penentuan kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dibuat?**

Jawapan: Penentuan kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dibuat berdasarkan tafsiran bandaraya dan perbandaran di bawah Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun 2008 selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] adalah seperti berikut:

Dewan / Majlis Bandaraya

- (i) PBT itu harus meliputi kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (ii) Mempunyai penduduk tidak kurang daripada 500,000 orang.
- (iii) Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan (*fiscally sustainable*) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta serta mampu mengimbangkan perbelanjaan.
- (iv) Berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang tinggi termasuklah aktiviti kutipan hasil, kelulusan pemajuan pembangunan, penguatkuasaan dan lain-lain fungsi PBT serta mempunyai struktur organisasi yang mantap serta kakitangan yang berkebolehan menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.
- (v) Pembangunan bandar yang menekankan kepada pembangunan mapan (*sustainable development*) serta memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setinggan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia Urban Indicator Network (MURNInet) juga akan diambil kira.
- (vi) Pembentukan imej bandar ataupun identiti yang bersesuaian dengan fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan sejarah dan warisan. Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan senibina yang unik serta perlu dipelihara.
- (vii) Mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan dan kemudahan menjalankan perniagaan dan perdagangan bagi menarik kemasukan pelabur. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan perhotelan bagi menggalakkan kegiatan pelancongan dan urusan perniagaan. Tumpuan diberikan kepada kepesatan sector perkhidmatan serta pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berorientasikan pengetahuan.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (viii) Mempunyai pusat institusi pendidikan yang lengkap dengan universiti, kolej, maktab, muzium dan perpustakaan awam.
- (ix) Pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara-acara sukan dan riadah serta konvensyen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (x) Mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam yang mencukupi termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Ini termasuklah kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, sistem pengurusan lalulintas dan rangkaian jalan raya yang cekap serta perkhidmatan ICT.
- (xi) Mendapat pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dalam bidang-bidang tertentu sejajar dengan taraf sebagai sebuah bandar raya.

Majlis Perbandaran

- (i) Merupakan bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah.
- (ii) Mempunyai penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang.
- (iii) Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan (*sustainable*) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sebuah perbandaran.
- (iv) Mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, pelancongan dan perumahan utama sedia ada ataupun dalam perancangan yang dikenal pasti berpotensi memberi sumbangan kepada pertumbuhan pegangan yang boleh dikenakan cukai serta penjanaaan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (v) Keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial.
- (vi) Mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem lebuh raya yang cekap. Mempunyai konsep perancangan bandar yang mapan (*sustainable*) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia Urban Indicator Network (MURNInet) juga akan diambil kira.
- (vii) Mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21) ataupun penglibatan jawatankuasa penduduk.

34. **Mengapakah Kerajaan masih menaikkan kadar gaji minimum kepada kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran walaupun semua sedia maklum kedudukan ekonomi global semasa adalah kurang baik termasuk Malaysia?**

Jawapan: Kerajaan memutuskan sedemikian rupa atas faktor-faktor berikut:

- (i) **Indeks Harga Pengguna (IHP)** – Data pada tahun 2019 menunjukkan IHP di bandar adalah lebih tinggi iaitu 122.2 berbanding luar bandar iaitu 119.3. IHP ini menggambarkan perubahan kos sara hidup yang ditanggung oleh pekerja di bandar adalah lebih tinggi.
- (ii) **Penengah gaji** – Data pada tahun 2018 menunjukkan penengah gaji di bandar adalah RM2,415 sebulan berbanding RM2,260 pada tahun 2017. Manakala penengah gaji di luar bandar adalah RM1,481 sebulan pada tahun 2018 berbanding RM1,400 sebulan pada tahun 2017.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

Penengah gaji ini menggambarkan kemampuan majikan untuk membayar gaji pekerja.

- (iii) **Purata gaji** – Data pada tahun 2018 menunjukkan purata gaji di bandar adalah RM3,274 sebulan berbanding RM3,038 sebulan pada tahun 2017. Manakala purata gaji di luar bandar pada tahun 2018 adalah RM2,083 sebulan berbanding RM2,040 sebulan pada tahun 2017.
- (iv) **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)** di Malaysia menunjukkan kenaikan sebanyak 14 peratus iaitu RM861 sebulan pada tahun 2012 kepada RM980 sebulan pada tahun 2016. PGK ini menggambarkan keperluan asas yang diperlukan oleh pekerja dan keluarga mereka.
- (v) **Produktiviti per pekerja** menunjukkan trend peningkatan iaitu daripada 1.8 peratus pada suku ketiga pada tahun 2018 kepada 2.3 peratus pada suku ketiga 2019.
- (vi) **Gaji Kehidupan Wajar (*Living Wage*)** – Laporan Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2016 menganggarkan gaji kehidupan wajar di Kuala Lumpur adalah sebanyak RM2,700 sebulan bagi individu bujang, RM4,500 sebulan bagi pasangan tanpa anak dan RM6,500 sebulan bagi pasangan yang mempunyai dua orang anak. Kajian oleh BNM juga menunjukkan 27 peratus isi rumah di Kuala Lumpur mendapat gaji kurang daripada gaji kehidupan wajar yang telah ditetapkan oleh BNM. Walaupun definisi gaji kehidupan wajar adalah berbeza daripada definisi gaji minimum iaitu gaji pokok, peningkatan gaji minimum ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban isi rumah yang berpendapatan rendah bagi menjalani kehidupan yang lebih selesa di kawasan bandar.
- (vii) **Sumbangan pampasan pekerja (CE) kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** – Data sumbangan sumbangan CE terhadap KDNK pada tahun 2018 adalah sebanyak 35.7 peratus tetapi sasaran adalah 38.0 peratus

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

pada 2020 dan 48.0 peratus pada 2030. Peningkatan gaji minimum ini akan menyumbang kepada peningkatan sumbangan CE terhadap KDNK.

- (viii) **Jumlah pekerja** pada tahun 2018 di bandar adalah seramai 11.6 juta manakala di luar bandar adalah seramai 3.1 juta. Peningkatan gaji minimum di bandar akan memberi lebih manfaat kepada pekerja di Malaysia.
- (ix) **Migrasi penduduk** yang mana jurang antara penduduk bermigrasi ke bandar dengan penduduk bermigrasi ke luar bandar masih konsisten. Data tahun 2018 menunjukkan migrasi ke bandar sebanyak 74.6 peratus dan migrasi ke luar bandar sebanyak 25.4 peratus. Penduduk masih bermigrasi ke bandar berikutan terdapat banyak aktiviti ekonomi serta peluang pekerjaan yang wujud di bandar.

35. **Apakah kaedah yang diambil oleh Kerajaan dalam membuat penetapan gaji minimum?**

Jawapan: Kaedah yang diambil Kerajaan dalam menetapkan gaji minimum adalah:

- (i) Pendekatan seimbang (*balanced approach*) – mengambil kira syor daripada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), majikan dan juga pekerja;
- (ii) Meningkatkan kadar gaji minimum secara berperingkat bagi memastikan majikan mampu untuk meneruskan kelangsungan perniagaan dan mengekalkan pekerjaan; dan
- (iii) Mengambil kira bahawa cadangan untuk meningkatkan kadar gaji minimum hendaklah munasabah, tidak menjejaskan ekonomi dan mengekalkan daya saing negara bagi menarik pelabur asing.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

36. **Mengapakah pekerja bukan warganegara tidak dikecualikan daripada dasar gaji minimum?**

Jawapan: Kerajaan menetapkan bahawa dasar gaji minimum meliputi semua pekerja tempatan termasuk juga pekerja bukan warganegara berasaskan sebab-sebab berikut:

- (i) Dasar gaji minimum hendaklah tidak mendiskriminasi seseorang pekerja atas alasan kewarganegaraan, selaras dengan Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang mana telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997;
- (ii) Ia adalah bertentangan dengan seksyen 60L Akta Kerja 1955, seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak di mana tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing; dan
- (iii) Bagi menjamin dan memelihara peluang pekerjaan rakyat tempatan agar tidak terjejas. Pengecualian adalah bertentangan dengan salah satu objektif pelaksanaan gaji minimum iaitu untuk mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing yang kurang mahir.

37. **Adakah pekerja-pekerja TASKA, badan bukan berasaskan keuntungan (*non-profit organisation*) atau badan kebajikan dikecualikan daripada PGM 2020?**

Jawapan: PGM 2020 adalah terpakai kepada **SEMUA PEKERJA** di sektor swasta yang bekerja di Malaysia termasuk pekerja-pekerja TASKA, badan bukan berasaskan keuntungan (*non-profit organisation*) atau badan kebajikan, **kecuali** pekhidmat domestik. Penetapan gaji minimum ke atas kategori pekerja-pekerja di atas dibuat kerana:

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

- (i) Memberi hak dan manfaat kepada semua kategori pekerja yang layak mendapat gaji minimum mengikut kawasan;
- (ii) Mencapai objektif gaji minimum yang antaranya ialah membantu dan melindungi pekerja yang tergolong dalam *vulnerable group*;
- (iii) Mencegah penganiayaan dan eksploitasi; dan
- (iv) Majikan daripada sektor-sektor berkenaan boleh menggajikan pekerja secara separa masa, atau dibayar mengikut kadar jam, atau harian sebagaimana ditetapkan di bawah PGM 2020.

38. **Bagaimana jika pekerja bersetuju untuk tidak dibayar kadar gaji minimum yang baharu?**

Jawapan: Undang-undang ini terpakai kepada semua pekerja mulai 1 Februari 2020. Majikan wajib membayar kadar baharu tersebut kepada pekerjanya kerana kegagalan berbuat demikian, walaupun dengan persetujuan pekerja, merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 43 Akta 732.

39. **Adakah pekerja-pekerja industri mikro dikecualikan daripada PGM 2020?**

Jawapan: Tidak dikecualikan. PGM 2020 tetap terpakai kepada **SEMUA PEKERJA** termasuk pekerja dalam industri mikro di kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang layak mendapat RM1,200 sebulan manakala pekerja yang bekerja selain daripada kawasan tersebut layak mendapat RM1,100 sebulan. Kumpulan pekerja dalam subsektor ini adalah "*vulnerable group*" yang mana kebanyakan pekerja ini tidak berupaya berunding sendiri untuk mendapatkan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang baik. Oleh itu, kumpulan pekerja ini perlu dilindungi.

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

Pengelasan kategori perusahaan oleh SME Corporation adalah seperti berikut:

Kategori Perusahaan	Pembuatan	Perkhidmatan dan Sektor Lain
Mikro	Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.	Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
Kecil	Jualan tahunan daripada RM300,000 kepada kurang daripada RM15juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang kepada kurang daripada 75 orang.	Jualan tahunan daripada RM300,000 kepada kurang daripada RM3 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang kepada kurang daripada 30 orang.
Sederhana	Jualan tahunan daripada RM15 juta kepada tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa daripada 75 orang kepada tidak melebihi 200 orang.	Jualan tahunan daripada RM3 juta kepada tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 orang kepada tidak melebihi 75 orang.

40. **Di manakah majikan dan pekerja boleh mendapatkan sebarang pertanyaan atau khidmat nasihat mengenai dasar dan pelaksanaan gaji minimum?**

Jawapan: Majikan dan pekerja boleh hubungi:

Urus Setia

Majlis Perundingan Gaji Negara

Kementerian Sumber Manusia

Aras 7, Blok D3, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 Putrajaya

Tel: 03-8886 5156

Faks: 03-8881 0668

Emel: minimumwages@mohr.gov.my

FAQ PEGAWAI

(Untuk kegunaan dalaman pegawai KSM dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sahaja)

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Kementerian Sumber Manusia

Aras 5, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya
Tel: 03-8886 5192
Faks: 03-8889 2368
Emel: jtksm@mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Sabah

Kementerian Sumber Manusia

Tingkat 1, Blok C & D,
Bangunan KWSP P/S 14557,
88852, Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-238755/233820
Faks: 088-242445
Emel: jtknsabah@mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Kementerian Sumber Manusia

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93532 Kuching, Sarawak
Tel: 082-242261/ 414062
Faks: 082-244909
Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my

Jabatan Perhubungan Perusahaan

Kementerian Sumber Manusia

Aras 5, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 W.P Putrajaya
Malaysia
Tel: 03-8886 5000
Faks: 03-8886 2355
Email: jppm@mohr.gov.my